



سيارن اخبار
PRESS RELEASE

KEMENTERIAN KESIHATAN • Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan BB3910, Negara Brunei Darussalam.
Tel: 2381640 samb./ext. 7734 • Faks/Fax: 2383016 • E-mel/E-mail: prohealth@brunet.bn

SIARAN AKHBAR 

KENYATAAN MEDIA

SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19 DI NEGARA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

20 Mac 2020

1. Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai perkembangan terkini jangkitan COVID-19 di negara ini.
2. Pada hari ini, 20 Mac 2020, **5** kes baru telah disahkan dijangkiti COVID-19 yang membawa **jumlah keseluruhan kes di negara ini kepada 78 orang.**
 - Kes 74, 75, 76 dan 77 adalah kontek keluarga kepada Kes 69. Kesemua mereka tidak mempunyai sejarah perjalanan ke luar negara dan tidak mempunyai tanda-tanda jangkitan.
 - Kes 78 berumur 54 tahun ialah seorang warga British yang berkerja di Negara Brunei Darussalam dan telah tiba di Negara Brunei Darussalam pada 16 Mac 2020 dengan menaiki pesawat BI004 (tempat duduk 53G). Beliau telah menjalani ujian makmal COVID-19 setelah dimaklumkan bahawa seorang penumpang yang duduk berdekatan dengannya (tempat duduk 50D) dan yang telah meneruskan perjalanan ke Hong Kong telah disahkan positif

COVID-19 sebaik sahaja tiba di Hong Kong. Penyiasatan epidemiologi tidak mengaitkan kes ini dengan Kes 73 yang telah menaiki pesawat yang sama (tempat duduk 9A).

3. Dalam pada itu, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa Alhamdulillah, terdapat **satu kes** yang telah dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan yang telah sembuh dan boleh dibenarkan untuk pulang ke rumah. Walau bagaimanapun, beliau dinasihatkan untuk terus membuat pengasingan diri selama 7 hari di rumah.
4. Ini juga bermakna masih terdapat 77 kes yang masih dalam rawatan di Pusat tersebut. Terdapat dua kes yang dalam keadaan kritikal dan memerlukan bantuan mesin pernafasan tetapi beransur pulih, lima kes memerlukan pemantauan rapi dan selebihnya di dalam keadaan baik dan stabil.
5. Kementerian Kesihatan pada masa ini masih giat menjalankan penyiasatan kontek bagi setiap kes di mana setakat ini, seramai 1,664 orang sedang menjalani kurantin, menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204. Dalam pada itu, setakat ini jumlah keseluruhan mereka yang telah menamatkan tempoh kurantin di Perkampungan Sukan atau di rumah masing-masing ialah seramai 101 orang dan adalah di dalam keadaan yang baik. Sejak awal Januari 2020, sebanyak 2,468 ujian makmal bagi COVID-19 telah dijalankan.

6. Bagi menampung keperluan ujian makmal COVID-19 yang semakin meningkat, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi pembinaan sebuah makmal virologi tambahan yang terletak di Jalan Sumbiling, Bandar Seri Begawan yang sedang giat dilaksanakan pada masa ini.
7. Sementara itu, Kementerian Kesihatan juga ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai keadaan jemaah tabligh Brunei yang telah menghadiri perkumpulan tabligh di Kuala Lumpur dan masih berada di Kuala Lumpur di mana 6 orang telah disahkan positif COVID-19 dan sedang dirawat di hospital manakala 3 orang didapati negatif.
8. Sementara itu, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai pengemaskinian arahan pengasingan diri mandatori bagi semua penumpang yang tiba di Negara Brunei Darussalam melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bermula hari ini, 20 Mac 2020 di mana ia adalah juga merangkumi pelawat-pelawat dan pekerja-pekerja asing yang tiba ke negara ini. Oleh yang demikian, kedatangan pelawat dan pekerja asing adalah tidak digalakkan pada masa ini. Mana-mana pekerja asing datang ke negara pada masa ini adalah dikehendaki untuk menanggung sepenuhnya kos pengasingan tersebut, termasuk kos penginapan, makan minum dan apa jua kos yang berkaitan. Walau bagaimanapun, mereka perlulah menghadapkan permohonan khas kemasukkan pekerja asing, sebagaimana yang akan

diterangkan dengan lebih lanjut oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

9. Kesemua penumpang dan pelawat yang dikehendaki untuk menjalani pengasingan diri mandatori akan ditempatkan di fasiliti-fasiliti yang telah dikenalpasti seperti hotel, apartmen atau hostel. Bayaran bagi penginapan, termasuk makan minum adalah seperti berikut:

Jenis Penginapan termasuk makan dan minum	Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam	Warga Asing (termasuk Pelawat atau Pekerja Asing)
Hotel, apartmen, hostel yang disediakan oleh pihak Kerajaan	Percuma	\$30 - \$50 sehari tertakluk kepada jenis penginapan
Empire Hotel and Country Club	\$100 sehari (hubungi Empire Hotel untuk tempahan bilik)	Harga pasaran (hubungi Empire Hotel untuk tempahan bilik)
Hotel-hotel lain	Masih dalam perbincangan	

10. Penggunaan tempat-tempat penginapan ini adalah untuk pemantauan kesihatan bagi mereka yang telah melakukan perjalanan antarabangsa sahaja. Mereka ini bukan kontek kepada kes atau mereka yang disyaki dijangkiti COVID-19. Orang ramai tidak perlu merasa cemas dengan keberadaan mereka dan kerjasama orang ramai adalah sangat diharapkan untuk tidak mensensasikan keadaan ini. Pihak Kerajaan sangat menghargai kerjasama, komitmen dan pengorbanan para

pengusaha dan pemilik hotel, apartmen dan hostel dalam memastikan kejayaan usaha Kerajaan mengawal penularan wabak COVID-19 di negara ini.

11. Dalam pada itu, mana-mana pelawat yang tiba ke negara ini melalui jalan darat atau laut adalah dikehendaki untuk menjalani pengasingan diri selama 14 hari dari tarikh ketibaan ke Negara Brunei Darussalam.
12. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn** atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** (pada bila-bila masa).

- TAMAT -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 25 Rejab 1441H / 20 Mac 2020